

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE**  
**KAWASAN : SANDAKAN**

**SOALAN NO. 515**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh yang dijadualkan untuk permulaan dan penamatan kesemua Pakej Kerja Pan Borneo Sabah yang sedang berjalan dan juga untuk *Work Packages* yang akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sehingga kini sebanyak 11 daripada 35 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor dan memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak bermula pada tahun 2016 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2022. Perincian bagi setiap pakej kerja tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

Manakala, tiga (3) pakej kerja baharu dan satu (1) pakej kerja melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna yang telah ditamatkan kontrak kini sedang ditender yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini, dengan jangkaan siap sepenuhnya pada suku tahun pertama 2024, menjadikan keseluruhan 15 pakej kerja akan dilaksanakan pada RMKe-11. Pelaksanaan bagi baki 20 pakej kerja Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pula adalah tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan untuk RMKe-12 dengan turut mengambil kira faktor kewangan.

Sekian, terima kasih.

## LAMPIRAN A

### PERINCIAN BAGI SETIAP PAKEJ KERJA LEBUH RAYA PAN BORNEO SABAH

<b>Pakej Kerja</b>	<b>Tarikh Mula</b>	<b>Tarikh Jangka Siap</b>
WP01: Sindumin - Kg Melalia	15 Mei-2017	03 Disember 2021
WP02: Kg. Melalia – Beaufort	23 Mei 2018	03 Disember 2022
WP03: Beaufort – Bongawan	23 Mei-2018	03 Ogos 2022
WP04: Bongawan – Papar	23 Mei-2018	03 Julai 2022
WP05: Donggongon – Papar	31 Julai 2016	03 November 2020
WP06: Putatan – Inanam	15 Januari 2018	03 Mei 2022
WP07: Inanam – Sepangar	15 Januari 2018	03 April 2022
WP08: Sepangar – Bltn.Berungis	23 Mei 2018	03 September 2022
WP10: Pituru - Rampayan Laut	06 Jun 2018	03 Ogos 2022
WP21: Lahad Datu Bypass	07 Disember 2016	03 Julai 2020
WP27: Mile 32 – Kg. Lot M	02 Mei 2017	03 Ogos 2021